

Suami isteri terima ijazah sarjana muda

Motivasi kepada anak

Oleh SITI NA'IMAH MOHAMED

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 OKT.

SEPASANG suami isteri antara graduan yang menerima ijazah sarjana muda pada hari terakhir Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-40 dekat sini hari ini.

Pasangan tersebut, Mohd. Nor Yunus dan Nor Fazliza Sham, masing-masing berumur 47 tahun menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Rendah selepas empat tahun bertungku-lumus membahagikan masa antara kerjaya, pelajaran dan keluarga.

Menurut Mohd. Nor, saat paling mencabar sepanjang empat tahun itu adalah apabila beliau mengalami kecederaan lutut ketika bertugas sehingga mengakibatkannya hampir berputus asa.

"Saya juga menghidap diabetes, mujur ada isteri yang sentiasa di sisi memberi semangat dan perangsang untuk saya meneruskan pengajian."


"Kami harap kejayaan ini menjadi motivasi kepada dua anak kami yang kini sedang menuntut di Universiti Teknologi Mara selain menjadi pendorong kepada rakan pendidik supaya

terus menimba ilmu hingga ke liang lahad," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Turut menerima ijazah sarjana ialah pengacara Forum Perdana Ehwal Islam

RTM, Mohd. Hariri Mohamad Daud, 32, yang mengambil jurusan Pembangunan Sumber Manusia.

Beliau yang juga Penolong Pen-



MOHD. NOR YUNUS dan Nor Fazliza Sham meraikan kejayaan mereka dalam Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia di Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL



UTUSAN MALAYSIA

MINGGUAN MALAYSIA

garah Unit Indeks Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berkata, walaupun terpaksa menggalas empat tanggungjawab dalam satu masa selama dua tahun, namun ia amat berbaloi.

Terdahulu, empat tokoh turut menerima Anugerah Gelaran Profesor Emeritus yang didahului Prof.

Tan Sri Dr. Nayan Ariffin, Datuk Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan, Datuk Abang Abdullah Abang Alli dan Prof. Datuk Dr. Wan Md. Zin Wan Yunus.

Pesta Konvokesyen UPM ke-40 yang berlangsung selama empat hari bermula Sabtu lalu itu menyaksikan 7,200 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah ini, 500 menerima ijazah doktor falsafah (Ph.D), 1,788 ijazah sarjana, 4,451 ijazah sarjana muda dan 461 diploma.



MOHD. HARIRI